

Ringkasan Eksekutif 2008

Laporan Kebebasan Beragama Antarabangsa 2008

Dikeluarkan oleh Biro Demokrasi, Hak Asasi Manusia, dan Buruh

Laporan Tahunan

Laporan ini bertujuan merekodkan tahap hormat terhadap kebebasan beragama di setiap negara di seluruh dunia semasa tempoh pelaporan terbaru – 1 Julai 2007 hingga 30 Jun 2008. Tumpuan utama kami adalah merekodkan sebarang tindakan yang dibuat oleh mana-mana pihak kerajaan – yang menindas kebebasan menyuarakan perihal keagamaan, menganiaya penganut, dan membiarkan keganasan terhadap golongan minoriti agama, serta tindakan melindungi dan mempromosi kebebasan beragama. Laporan kami juga meliputi sikap masyarakat terhadap agama dan golongan minoriti agama serta merekodkan sebarang tindakan positif dan negatif yang diambil oleh pihak badan bukan kerajaan. Kami berusaha sedaya upaya membuat laporan ini dengan tepat dan adil serta prihatin terhadap kerumitan isu-isu berkaitan kebebasan beragama.

Kebebasan Beragama Sebagai Matlamat Utama Dasar Luar Negara A.S.

Pemajuan kebebasan beragama untuk semua adalah tunjang identiti Amerika dan merupakan teras kepada matlamat dasar luar negara A.S. Anjuran kami terhadap kebebasan beragama adalah berasaskan iltizam kami untuk menegakkan hak dan kebebasan asasi manusia di serata dunia. Hak untuk percaya atau tidak percaya tanpa rasa takut akan campur tangan atau sekatan daripada pihak kerajaan adalah penting bagi maruah manusia, masyarakat sivil yang cergas, dan demokrasi mampan. Kedua-dua Pemasyhuran Sejagat Hak Asasi Manusia dan Waad Antarabangsa Hak-hak Awam dan Politik menganjurkan hak terhadap kebebasan berfikir, hati nurani, dan agama.

Jabatan Negara mengawasi sebarang tindakan menganiaya dan diskriminasi agama di seluruh dunia, melaksanakan dasar, memajukan inisiatif, membiayai program, dan mengadakan kerjasama dua hala atau pelbagai hala untuk memupuk kebebasan beragama.

Cabaran Terhadap Kebebasan Beragama Sokongan Kerajaan

Setiap orang mempunyai kepercayaan teras yang menjadi panduan dalam kehidupan mereka. Bagi sebilangan besar penduduk dunia, kepercayaan tersebut adalah berlandaskan agama masing-masing. Justeru itu, kebebasan beragama bolehlah dianggap suatu hak asasi manusia dan sebarang sekatan terhadap kepercayaan dan amalan agama adalah penghinaan terhadap maruah manusia.

Hak kebebasan beragama boleh disalahgunakan dalam banyak cara, baik secara terang-terangan ataupun secara halus. Perlu juga diketahui bahawa penyalahgunaan atau sekatan terhadap kebebasan beragama boleh wujud dalam pelbagai bentuk, sepertimana yang diterangkan dalam lima kategori umum berikut.

Pertama, penyalahgunaan yang paling teruk berlaku dalam beberapa rejim totalitarian dan kuku besi yang berusaha mengawal pemikiran dan pendapat agama. Rejim-rejim ini menganggap sesetengah golongan sebagai musuh negara kerana mereka bertanggungjawab bahawa ajaran agama mereka mengandungi unsur ancaman atau kesetiaan mereka adalah kepada kuasa selain negara. Sesetengah negara menggunakan alasan keselamatan seperti keganasan berlandaskan agama untuk menindas amalan agama yang aman. Laporan ini membezakan antara kumpulan penganut agama yang mempunyai rungutan politik yang berasas dan mereka yang menyalahgunakan agama untuk memperjuangkan keganasan terhadap kumpulan agama lain atau negara.

Kedua, penyalahgunaan yang serius berlaku dalam konteks permusuhan kerajaan terhadap kumpulan agama minoriti atau yang tidak diizinkan. Walaupun pihak kerajaan tidak mengawal sepenuhnya kumpulan-kumpulan ini, namun sesetengah kerajaan mengugut dan mengganggu kumpulan minoriti agama dan membiarkan penganiayaan oleh masyarakat berlaku terhadap mereka. Dalam kes yang teruk, pihak kerajaan mungkin mendesak supaya golongan ini meninggalkan agama mereka atau memaksa mereka berpindah atau meninggalkan negara. Laporan ini mengambil kira kesalinghubungan identiti agama dan keetnikan, terutamanya dalam kes kerajaan yang didominasi oleh kumpulan etno-agama majoriti menyekat pernyataan agama kumpulan minoriti. Laporan ini juga mengandungi perincian perihal kerajaan yang bermusuhan dengan kumpulan agama minoriti disebabkan ideologi atau hubungan politik nyata atau anggapan kumpulan itu.

Ketiga, penyalahgunaan yang berpunca daripada kegagalan pihak kerajaan menangani sikap tidak bertoleransi terhadap kumpulan agama tertentu. Di negara-negara ini, undang-undang mungkin dapat menegah daripada berlaku diskriminasi atau penganiayaan agama tetapi pihak penguatkuasa gagal menghalang serangan, gangguan, atau tindakan ganas yang lain terhadap individu atau kumpulan agama. Usaha melindungi kebebasan beragama memerlukan lebih daripada penggubalan undang-undang dan dasar. Pihak kerajaan perlu aktif di semua peringkat dalam usaha menghalang penyalahgunaan, membawa pesalah ke muka keadilan, mendapatkan penghakiman bagi mangsa jika perlu, dan menggalakkan secara proaktif persekitaran saling hormat-menghormati dan toleransi antara satu sama lain.

Keempat, penyalahgunaan berlaku apabila pihak kerajaan menggubal perundangan yang diskriminasi atau mengambil tindakan yang berpihak kepada agama majoriti. Keadaan ini biasanya timbul akibat dominasi sejarah golongan agama majoriti yang boleh menghasilkan berat sebelah terhadap masyarakat agama minoriti baru atau lama. Laporan ini mencatatkan sebarang sekatan yang timbul, mahupun terhadap pengikut agama majoriti itu sendiri, akibat pengendorsan pihak Kerajaan terhadap mana-mana interpretasi agama majoriti.

Kelima, penyalahgunaan yang melibatkan amalan diskriminasi terhadap agama tertentu melalui pelabelannya sebagai "kultus" atau "sekta." Sekatan jenis ini kadangkala berlaku walaupun di negara-negara yang mendukung kebebasan beragama.

Cabaran Pelbagai Hala, Serantau, dan Global Terhadap Kebebasan Beragama

Terdapat pelbagai usaha untuk melemahkan kebebasan beragama, termasuk yang menjangkau forum-forum pelbagai hala. Misalnya, sepanjang satu dekad yang lalu Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), sebuah organisasi antara kerajaan yang terdiri daripada 57 buah negara yang majoriti atau sebahagian besar penduduknya adalah umat Islam, telah berusaha melemahkan perlindungan terhadap kebebasan beragama menerusi sistem Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Misalnya, semasa sesi Majlis Hak Asasi PBB pada Disember 2007, OIC telah mengisytiharkan melalui perwakilan Pakistan bahawa blok itu tidak mengiktiraf hak individu untuk menukar agama mereka. Beberapa perwakilan OIC telah bersetuju secara terbuka dengan pendirian ini dan OIC menghalang pencapaian sepersetujuan terhadap sebuah resolusi penting berkaitan kebebasan beragama.

Suatu usaha jangka panjang OIC yang didapati sukar diatasi adalah berkaitan pemajuan konsep "fitnah terhadap agama" dalam resolusi dan laporan PBB. Frasa yang pada asalnya diungkap sebagai "fitnah terhadap Islam" pada tahun 1999, kini diperluaskan untuk merangkumi semua agama oleh pertubuhan OIC, mahupun Islam kekal dinamakan secara khusus dalam resolusi-resolusi yang diluluskan dalam Majlis Hak Asasi Manusia dan Perhimpunan Agung PBB. Mahupun dikatakan bertujuan untuk melindungi amalan agama dan mempromosikan sikap toleransi, namun konsep ini sebenarnya menyekat kebebasan agama dan menyekat hak setiap individu daripada membantah atau mengkritik agama, terutamanya agama Islam. Konsep ini juga digunakan oleh sesetengah kerajaan untuk menjustifikasikan sebarang tindakan yang membatasi secara berpilih sebarang pertentangan pendapat, menghentikan kritikan terhadap struktur politik, serta menyekat perbicaraan agama oleh masyarakat agama minoriti, masyarakat agama majoriti yang menentang, dan mereka yang tidak beragama. Pengenalan konsep fitnah pada hakikatnya bertujuan membawa undang-undang kufur yang terdapat di kebanyakan negara OIC ke peringkat antarabangsa. Walaupun Amerika Syarikat menegah sebarang tindakan yang mengkusarkan tradisi agama, termasuk juga Islam, namun konsep "fitnah terhadap agama" ini tidak selaras dengan kebebasan agama dan kebebasan bersuara, dan pendekatan OIC ini akan melemahkan perlindungan terhadap kebebasan beragama, termasuk perlindungan terhadap penduduk Islam minoriti.

Pemulangan warga asing secara paksa dari negara asing supaya mereka menghadapi penindasan dan penganiayaan sebagai balasan aktivisme agama mereka juga suatu yang membimbangkan Amerika Syarikat. Dalam tempoh laporan, Kerajaan negara China dilaporkan meminta pemulangan secara paksa beberapa rakyat Islam yang tinggal di luar negara, termasuk Arab Saudi dan Pakistan, yang dilaporkan telah membantah sekatan terhadap ibadah Haji dan menggalakkan umat Islam bersembahyang dan berpuasa di bulan Ramadhan.

Had kebebasan untuk menarik orang ramai menjadi penganut baru dan menukar agama masih membimbangkan. Pihak kerajaan biasanya cuba melindungi kepercayaan, tradisi, dan ideologi agama dominan atau majoriti dengan mengambil langkah-langkah tertentu untuk menyekat hak individu menarik orang ramai menjadi penganut baru dan menukar agama. Sesetengah negara seperti Malaysia, Greece, dan Israel masih menguatkuasakan undang-undang yang menyekat aktiviti menarik orang ramai menjadi penganut baru secara aman. Negara-negara lain meluluskan atau memperkenalkan undang-undang antimurtad. Enam daripada 28 buah negeri di India telah meluluskan undang-undang antimurtad – negeri yang keenam telah meluluskannya semasa tempoh laporan ini. Di Sri Lanka, suatu rang undang-undang antimurtad peringkat kebangsaan yang diperkenalkan pada tahun 2004 masih lagi berada bawah pertimbangan. Walaupun penukaran agama tidak diharamkan secara eksplisit, namun undang-undang ini mencabuli hak individu untuk menukar agamanya dan memihak kepada agama majoriti. Beberapa buah negara yang majoriti penduduknya orang Islam seperti Mesir, Malaysia, dan Arab Saudi masih membenarkan hak menarik orang ramai menjadi penganut kepada orang Islam sahaja dan/atau menguatkuasakan undang-undang murtad yang berat terhadap orang Islam yang menukar agama kepada agama lain. Tindakan yang diambil oleh kerajaan ini tidak selaras dengan hak kebebasan beragama yang melindungi hak individu untuk menukar agama, menyuarakan pandangan tentang agamanya, dan menerima komunikasi tentang idea-idea keagamaan.

Bertentangan dengan tradisi menghormati kebebasan agama yang mereka amalkan, Kazakhstan, Republik Krygyz, dan Tajikistan telah memperkenalkan perubahan perundangan yang rumit kepada undang-undang agama semasa yang akan meletakkan sekatan terhadap hak ini. Di Kazakhstan, Parlimen memperkenalkan pindaan draf baru terhadap undang-undang berkaitan agama yang akan meletakkan prosedur pendaftaran yang lebih menyekat, menghalang kumpulan kecil daripada berkhotbah atau mengajar luar daripada kumpulan, menyekat penerbitan bahan bacaan keagamaan, dan kebenaran daripada pihak kerajaan tempatan diperlukan untuk pembinaan kemudahan agama. Di Republik Kyrgyz, suatu draf undang-undang agama yang sedang dipertimbangkan di Parlimen akan meningkatkan keperluan bilangan ahli daripada 10 hingga 200 orang bagi tujuan pendaftaran rasmi pertubuhan agama, menghapuskan khidmat ketenteraan alternatif untuk semua orang kecuali para paderi dan orang beragama, mengharamkan penarikan orang menjadi penganut baru, dan mengharamkan penukaran agama oleh warga Kyrgyz kepada agama lain. Akhir sekali, draf undang-undang agama yang masih bawah pertimbangan di Tajikistan akan mengawal atur pendaftaran dan status kesahan kumpulan dan persatuan keagamaan, mengehadkan pendidikan bahan bacaan agama, dan mengehadkan aspek-aspek pendapat agama yang lain.

Sesetengah kerajaan meningkatkan usaha untuk mempromosi toleransi, dialog, dan persekitaran yang menggalakkan kewujudan bersama pelbagai agama sepanjang tempoh laporan ini. Pada bulan Oktober 2007, Institut DiRaja Aal al-Bayt Jordan bagi Pemikiran Islam telah menerajui usaha tersebut melalui pengeluaran surat terbuka pada 13 Oktober 2007 yang menyeru supaya dialog antara agama berasaskan kecintaan terhadap Tuhan dan jiran diadakan. Dokumen tersebut yang bertajuk, "A Common Word Between Us and You," telah dikeluarkan oleh 138 pemimpin, pendakwah, dan sarjana Islam dan ditujukan kepada para penganut Kristian di seluruh dunia. Institut tersebut mengumpulkan tandatangan daripada para perwakilan kelapan-lapan mazhab agama Islam bagi dokumen *Common Word*. Dokumen ini dilengkapkan di sebuah persidangan anjuran institut tersebut bawah naungan Raja Abdullah pada bulan September 2007. Persidangan ini menghimpunkan perwakilan daripada 40 buah negara Islam dan bukan Islam. Pada 4-6 Jun 2008, Kerajaan Arab Saudi berserta Liga Sedunia Islam telah menganjurkan sebuah persidangan intra-agama di Mekah. Matlamat persidangan ini adalah untuk mempromosikan perpaduan di kalangan mazhab-mazhab Islam. Bekas Presiden Iran, Akbar Hashemi Rafsanjani, serta Mufti Besar Arab Saudi, Abdulaziz Al al-Sheikh, juga turut menyertai persidangan tersebut. Sebagai tindakan lanjutan, Raja Abdullah bersama-sama Raja Juan Carlos I dari Sepanyol, telah menjadi tuan rumah di persidangan di Madrid yang dihadiri orang kenamaan di kalangan umat-umat Islam, Kristian, dan Judaisme.

Bahagian seterusnya dalam Ringkasan Eksekutif ini terdiri daripada dua. Bahagian I adalah ringkasan mengikut negara tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan Amerika Syarikat dalam pemajuan kebebasan antarabangsa di negara-negara yang dikategorikan bawah "Negara-negara Keprihatinan Khusus" (NKK). Bahagian II adalah ringkasan keadaan di beberapa buah negara yang kebebasan beragamanya mempunyai kepentingan khusus, termasuk Negara-negara Keprihatinan Khusus. Bagi setiap negara, bahagian ini memerihalkan kedudukan undang-undang dan dasar-dasar berkaitan serta menyenaraikan beberapa contoh penganiayaan oleh pihak kerajaan atau langkah positif yang diambil oleh pihak kerajaan untuk mempromosikan atau melindungi kebebasan beragama. Dalam kebanyakan kes, negara-negara ini mempamerkan satu atau lebih bentuk penganiayaan yang digariskan di atas.

BAHAGIAN I: TINDAKAN A.S. DI NEGARA-NEGARA KEPRIHATINAN KHUSUS

Akta Kebebasan Beragama Antarabangsa 1998 (Akta KBA) memerlukan suatu taksiran tahunan tentang status kebebasan beragama di seluruh dunia dan kedudukan negara-negara yang telah "terlibat atau menunjukkan toleransi terhadap pencabulan kebebasan beragama" dalam senarai "Negara-negara Keprihatinan Khusus" (NKK) semasa tempoh laporan. Berikutnya penyenaian ini, suatu tempoh rundingan mungkin

berlaku dan pihak Amerika Syarikat akan bekerjasama dengan negara yang tersenarai untuk mengubah keadaan tersebut. Seterusnya, bergantung kepada hasil rundingan ini, satu atau lebih tindakan yang tertakluk kepada Akta Kebebasan Beragama Antarabangsa akan dipilih oleh Setiausaha Negara. Antara tindakan terhadap NKK termasuk sekatan atau rundingan semula sebarang perjanjian dua hala yang ada. Duta Besar Tugas Khas bagi Kebebasan Beragama Antarabangsa dan pejabatnya mengambil tindakan untuk mempromosikan kebebasan beragama di setiap NKK sepanjang tahun. Bahagian ini memperihalkan tindakan pegawai Kerajaan A.S. yang lain untuk mempromosikan kebebasan beragama dan menggalakkan pihak kerajaan supaya mengambil langkah positif untuk meningkatkan keadaan bagi penganut agama. Buat masa ini, negara-negara yang disenaraikan sebagai NKK termasuk: Burma, Cina, Korea Utara, Iran, Sudan, Eritrea, Arab Saudi, dan Uzbekistan. Maklumat tambahan tentang tindakan A.S. di negara-negara yang disenaraikan bawah NKK dan juga di negara-negara lain boleh didapati dalam laporan tentang negara tersebut.

Malaysia

Perlembagaan Malaysia membenarkan kebebasan beragama. Walau bagaimanapun, peruntukan lain dalam perlembagaan meletakkan Islam sebagai "agama bagi Persekutuan," menakrifkan orang Melayu sebagai seseorang yang menganuti agama Islam, memberi kuasa kepada pihak Kerajaan untuk mengawal selia hal ehwal agama Islam, dan mengharamkan penyebaran agama lain di kalangan umat Islam. Malaysia mengekalkan sistem dwiperundangan yang melibatkan mahkamah sekular dan mahkamah Syariah. Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa atas orang Islam dalam beberapa perkara sivil dan melarang mereka daripada menukar agama. Mereka yang mencuba berbuat demikian dianggap sebagai "murtad" dan kadangkala dihantarkan ke pusat "pemulihan" untuk dipaksa menjalani bimbingan agama. Pihak kerajaan mempunyai senarai rasmi yang menyenaraikan 56 ajaran Islam yang dianggap "sesat", dan para penganut daripada ajaran-ajaran ini dan kumpulan-kumpulan haram yang lain mungkin juga menjalani "pemulihan". Para pegawai peringkat kerajaan negeri kadangkala mempengaruhi aktiviti masjid dengan menggunakan masjid untuk menyampaikan pesanan politik, menghalang imam-imam daripada berucap, dan mengawal kandungan khutbah. Agama-agama minoriti umumnya bebas mengamalkan kepercayaan mereka. Walau bagaimanapun, sejak beberapa tahun yang lepas semakin ramai menyuarakan kebimbangan mereka bahawa sistem mahkamah sivil telah beransur-ansur menyerahkan bidang kuasa kepada mahkamah Syariah, terutamanya dari segi bidang undang-undang keluarga yang melibatkan pertikaian antara orang Islam dan bukan Islam. Agama-agama minoriti masih menghadapi pencabulan hak terhadap harta dan kebebasan menyuarakan pendapat keagamaan. Kerajaan menyekat pengedaran bahan Kristian dalam bahasa Malaysia di Semenanjung Malaysia dan mengharamkan beberapa bahan lain yang melibatkan isu-isu keagamaan yang sensitif.

